

**UCAPAN OLEH
Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
MERANGKAP MENTERI PELAJARAN
TAN SRI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN RAKAN ALAM SEKITAR
DAN
PENGANUGERAHAN
SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR 2007/2008
PADA 4 JUN 2009
DI DEWAN JUBLI INTAN SULTAN IBRAHIM,
MUAR, JOHOR DARUL TAKZIM**

Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis

Y.A.B Dato' Haji Abdul Ghani Othman
Menteri Besar Johor

Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Y. Bhg. Dato' Zoal Azha bin Yusof
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Yang Berhormat Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian,

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di atas jemputan untuk saya hadir dan merasmikan Majlis Pelancaran Rakan Alam Sekitar serta Penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar 2007/2008 pada pagi ini.

2. Saya mengambil maklum bahawa Majlis ini diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2009 yang bertemakan "*Your Planet Needs You - UNite To Combat Climate Change*" atau Bumi Memerlukan Anda dan Bersama Kita Menangani Perubahan Iklim.

Y. Berhormat Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

3. *Climate Change* atau perubahan iklim merupakan salah satu cabaran besar yang dihadapi oleh dunia pada masa kini. Fenomena ini bukanlah satu rekaan ahli sains semata-mata. Ia berpunca daripada pemanasan global akibat konsentrasi gas rumah kaca (Green House Gases) di atmosfera. Menurut United Nations Intergovernmental Panel of Climate Change (IPCC) terdapat 90% kepastian bahawa perubahan iklim disebabkan faktor-faktor "anthropogenic" atau kegiatan-kegiatan manusia yang bertanggungjawab bagi pelepasan gas rumah kaca ke dalam atmosfera.

4. Negara-negara di seluruh dunia bimbang akan impak perubahan iklim kepada rakyat sejagat dan masa depan bumi. Ini adalah kerana fenomena ini boleh membawa impak negatif terhadap sumber-sumber alam di samping menyebabkan kejadian ribut, banjir dan kemarau. Kita telah menyaksikan sejak kebelakangan ini telah berlaku perubahan cuaca ekstrem dan bencana alam seperti Cyclone Nagris di Myanmar dan Katrina di Amerika yang mengorbankan beribu nyawa dan kerosakan harta benda. Kita di Negeri Johor sendiri telah mengalami banjir besar akibat hujan lebat yang luar biasa pada Disember 2006 dan awal 2007. Kerugian harta awam dilaporkan berjumlah lebih satu billion ringgit Malaysia. Justeru, tindakan segera perlu dilaksanakan di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa untuk menangani impak fenomena perubahan iklim.

5. Di peringkat ASEAN, usaha sama di kalangan negara-negara ahli dipertingkatkan ke arah mengurangkan pelepasan gas rumah hijau melalui program-program penjimatan tenaga, penggunaan bahan-bahan buangan dan tenaga yang boleh diperbaharui serta pengamalan aktiviti-aktiviti mesra alam. Tambahan pada itu pengurusan hutan secara lestari juga menjadi prinsip yang dipegang oleh negara-negara ASEAN. Di bidang biodiversiti pula, negara-negara ASEAN sedang merangka projek-projek melalui ASEAN Centre for Biodiversity (ACB) bertujuan memulihara biodiversiti ASEAN secara lestari.

6. Di bawah Protokol Kyoto, negara membangun seperti Malaysia tidak mempunyai kewajipan untuk mengurangkan tahap pelepasan gas rumah kaca (*Green House Gases*). Namun begitu ingin saya

tekankan di sini bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa prihatin terhadap isu pemuliharaan alam sekitar termasuk menangani masalah perubahan iklim. Dalam hal ini, kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet bagi Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri. Ini adalah untuk memastikan agar dasar, strategi dan pelaksanaan pembangunan peribagai sektor terutama sektor tenaga, bahan buangan dan pengangkutan dapat diselaraskan sejajar dengan prinsip-prinsip pembangunan lestari. Selain dari itu, kerajaan juga telah menggalakkan kecekapan tenaga (*energy efficiency*) serta penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*).

7. Isu alam sekitar dan perubahan iklim merupakan masalah yang perlu ditangani oleh manusia sejagat secara bersama. Tuan-tuan dan Puan-puan termasuk diri saya sendiri mempunyai peranan yang besar dalam menangani masalah perubahan iklim ini. Kita akan dapat membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau jika kita amalkan kehidupan harian kita berpandukan ciri-ciri kehidupan yang mesra alam. Sebagai contoh, kita akan dapat menjimatkan sehingga 150 kilogram karbon dioksida setahun melalui penggunaan mentol berpendaflour padat (*compact fluorescent light bulb*), penggunaan peralatan elektrik yang jimat tenaga pula dapat mengurangkan 250 kilogram karbon dioksida. Amalan harian yang lain termasuk berkongsi kenderaan, memadamkan lampu, pendingin hawa, mesin fotostat dan komputer jika tidak digunakan. Penanaman pokok pula dapat meningkatkan penyerapan karbon dioksida.

Yang Berhormat Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

8. Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha memajukan ekonomi negara serta meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat tanpa mengabaikan aspek pemuliharaan alam sekitar untuk merealisasikan pembangunan negara secara lestari. Dalam hal ini Kerajaan sentiasa memantau tahap kualiti udara, air sungai dan marin. Pada keseluruhannya tahap kualiti udara negara ketika ini adalah baik. Dengan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2007 di mana bahanapi EURO 2M akan dipasarkan pada 1 September 2009, paras sulfur dioksida akan menurun. Ini akan meningkatkan lagi kualiti udara negara kita. Pada tahun 2008 terdapat 7 batang sungai didapati tercemar. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui agensi-agensi dibawahnya akan meningkatkan penguatkuasaan bagi menangani masalah punca pencemaran sungai, melaksanakan pendekatan baru seperti pengurusan lembangan sungai bersepadu (*integrated river basin management*) dan meneruskan program kesedaran awam bagi meningkatkan penglibatan masyarakat setempat .

9. Usaha menangani masalah pencemaran tidak harus menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata tetapi ia perlu di dokong bersama oleh semua anggota masyarakat. Setiap lapisan masyarakat tidak kira tua atau muda, miskin atau kaya, berpendidikan tinggi atau tidak, perlu berganding bahu dan bersatu tenaga. Kita hidup dalam lingkungan alam sekitar yang sama, menghirup udara yang sama, berkongsi menggunakan sumber asli yang sama. Tema Hari Alam Sekitar Sedunia iaitu "*Your Planet Needs You*" pada hemat saya lebih sesuai jika kita letak "*We Need This planet*". Ini kerana kita tidak ada tempat selain

bumi ini. Jika bumi ini hancur bermakna hancurlah spesis homo-sapien atau manusia. Kita tidak mampu untuk berpeluk tubuh membiarkan bumi menahan segala pencerobohan alam sekitar. Saya menyeru agar kita bersama-sama berganding bahu memikul tanggung jawab menjaga bumi ini.

10. Selaras dengan ini, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang telah mengambil inisiatif merangka satu program baru iaitu Rakan Alam Sekitar. Program ini dibentuk bagi meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat di setiap kawasan Parlimen untuk membantu membanteras kegiatan-kegiatan pencemaran alam sekitar. Saluran yang tepat penting untuk meningkatkan keberkesanan aduan dan pandangan masyarakat agar tindakan yang segera dapat diambil sewajarnya oleh agensi kerajaan. Syabas kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar atas usaha ini dan teruskan usaha untuk melibatkan masyarakat awam.

Y. Berhormat Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Seperti para hadirin sedia maklum, pada pagi ini juga diadakan Penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar 2007/2008. Saya berasa bangga kerana Kementerian Pelajaran Malaysia dapat bekerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam mewujudkan program kesedaran khusus untuk warga sekolah. Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pelajaran dalam membentuk dan mendidik jiwa pelajar agar sentiasa menghargai dan memelihara keindahan alam kita ini. Pembentukan sikap cintakan alam di kalangan pelajar hendaklah diusahakan bersungguh-sungguh agar ia terus menjadi sebahagian

daripada budaya rakyat Malaysia. Sesungguhnya generasi pelajar hari ini merupakan pewaris, di bahu merekalah diletakkan harapan agar usaha yang sekian lama dipupuk akan disambung terus oleh generasi muda kita di masa akan datang.

12. Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar dibentuk bagi mencapai objektif berikut:

- (a) memupuk nilai murni alam sekitar pada kalangan warga sekolah;
- (b) meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar;
- (c) menggalakkan warga sekolah melaksanakan aktiviti mesra alam dengan berkesan;
- (d) meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dalam menjayakan pendidikan alam sekitar; dan
- (e) mengwujudkan suasana sekolah yang kondusif bagi melahirkan warga sekolah yang mempraktikkan amalan hidup lestari.

13. Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan. Penglibatan warga sekolah dalam aktiviti Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar memberi peluang kepada mereka untuk mengamal, menghayati dan dan membudayakan ciri-ciri mesra alam di persekitaran sekolah, rumah, komuniti setempat, masyarakat dan akhirnya di peringkat negara.

Y. Berhormat Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Akhir kata, kepada pemenang - pemenang Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar tahun 2007/2008, saya mengucapkan tahniah dan berharap sekolah-sekolah yang menyertai pertandingan ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan kecemerlangan pengurusan alam sekitar. Saya juga berharap program Rakan Alam Sekitar dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai objektifnya bagi membantu usaha kerajaan melahirkan generasi akan datang yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan dan tanggungjawabnya kepada bumi yang satu ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran Rakan Alam Sekitar dan Penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar 2007/2008 sempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2009.

Sekian. Terima kasih.